

PENDAPAT

HALATUJU GIG EKONOMI DAN MASA DEPAN BELIA NEGARA

26 Jan, 2023 [Volume 2 Issue 1](#) 📄 221 viewsBy [Nik Noorhazila Nik Mud](#) , [Dr. Nik Syuhailah Nik Hussin](#) , [Dr. Mohd Zulkifli Muhammad](#) & [Abd Aziz Mat Hassan](#)

🗨️ 0 comments 🍷 0 likes 📌

f 🐦 in 📌



Bermula daripada aplikasi dalam talian kepada penghantaran makanan dalam talian, perkhidmatan perkongsian perjalanan dan hampir semua aktiviti lain yang boleh dibayangkan, platform digital telah merevolusikan cara orang bekerja, bermain, belajar, bersosial dan membeli serta menjual barangan dan perkhidmatan

Your experience on this site will be improved by allowing cookies [Cookie Policy](#)

ALLOW COOKIES



penawaran perkhidmatan jangka pendek atau berdasarkan tugas. Ekonomi gig merupakan antara segmen baharu pekerjaan yang menjadi pilihan ramai susulan pelbagai kesukaran perlu dihadapi ekoran penularan pandemik COVID-19. Menjengah tahun 2020, ekonomi gig mula mendapat tempat malah ribuan sudah mula beralih ke sektor baharu itu yang dilihat mampu menjana lebih pendapatan berbanding beberapa sektor lain.

Perkembangan teknologi digital telah membantu untuk merancakkan ekonomi gig sama ada di peringkat global mahupun nasional. Kebiasaannya, apabila kita membicarakan perihal ekonomi gig, perbincangan pasti akan tertumpu kepada landskap pekerjaan bagi golongan belia dalam mendepani cabaran ekonomi kini. Ekonomi gig bukan sahaja menjadi pilihan belia yang tidak mempunyai pekerjaan sahaja, bahkan ramai juga yang memilih untuk berkecimpung di dalam ekonomi gig untuk menjana pendapatan tambahan melalui perkhidmatan seperti yang dijalankan oleh syarikat Food panda dan Grab. Selain itu, mereka turut dapat menggunakan kepakaran yang dimiliki untuk menjana pendapatan sama ada secara penuh atau separuh masa seperti pereka grafik, konsultan dan sebagainya.

Malaysia telah memberikan tumpuan khas kepada ekonomi gig sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baru dalam merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025). Menurut jabatan statistik buruh Malaysia, kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun meningkat kepada 13.1 peratus pada Mac 2022 berbanding 13.0 peratus pada Februari 2022, mencatatkan 361.0 ribu orang penganggur belia (Februari 2022: 356.9 ribu orang). Cabaran paling besar adalah 'mismatched' dalam peluang pekerjaan yang disediakan. Bayangkan daripada 1.47 juta pekerjaan yang ditawarkan, hanya 4.5 peratus dikhususkan untuk golongan profesional, lepasan tertiar dan berkemahiran tinggi manakala selebihnya untuk pekerjaan yang berkemahiran rendah.

Persoalannya, adakah ekonomi gig mampu mengatasi masalah pengangguran dan pekerjaan di bawah potensi sebenar (underemployment) di kalangan belia negara? Bagaimana ekosistem ekonomi gig boleh membantu mereka? Bagaimana golongan belia mahu memenuhi pasaran tersebut jika kerja dan upah yang ditawarkan tidak sepadan dengan ilmu dan kemahirannya? Hal tersebut membawa kepada satu isu baru iaitu 'underemployment'.

Ekonomi gig mampu menyelesaikan masalah pengangguran tetapi bekerja sebagai prekariat sukar untuk mengatasi kemelut 'underemployment' dan 'jobs security'. Jika ini berlaku, golongan belia akan terus terperangkap dalam lingkungan berpendapatan rendah dan sederhana. Hal ini dapat diatasi jika mereka meningkatkan keupayaan dan kebolehan diri dengan kemahiran tinggi dan mempunyai mentaliti keusahawanan yang betul. Mereka perlu mencipta peluang pekerjaan baru dengan menjadi seorang prekariat yang menawarkan pekerjaan profesional dan bernilai tinggi. Keluar daripada kepompong 'cukup makan' dan mula membina jenama sendiri. Kini, tiba masanya untuk golongan belia termasuklah para graduan universiti, untuk mengembangkan kemahiran yang dimiliki. Perkara ini amat penting agar mereka dapat menjana pendapatan tanpa perlu berada di dalam tempoh pengangguran disebabkan menunggu peluang-peluang pekerjaan daripada sektor pekerjaan yang sedia ada.



0 Comments

 Login

Newest ▾



Share your thoughts about that



Your experience on this site will be improved by allowing cookies [Cookie Policy](#)

Related posts

PENDAPAT

TEKNOLOGI PENDIDIKAN DALAM RUANG KELAS: PERANAN, IMPAK DAN KESAN KEPADA PEMBELAJARAN

25 Apr, 2023  [Volume 2 Issue 3](#)  187 views

Perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang tercetus pada pertengahan tahun 2016 telah memberikan kesan secara langsung kepada semua sektor di Malaysia, termasuk sektor pendidikan. Ledakan teknologi yang tercetus pasca IR 4.0 telah membentuk satu keadaan yang mencabar terutamanya di dalam pendidikan negara.

PENDAPAT

EFFECTIVE COMMUNICATION IN CAMPUS

25 Apr, 2023  [Volume 2 Issue 3](#)  45 views

Effective communication is crucial in any setting, and it is especially important in a campus environment. Effective communication refers to the exchange of information between individuals or groups in a way that is clear, concise, and easily understood. In a campus setting, effective communication is essential for creating a positive and supportive environment for all stakeholders, including stud

PENDAPAT

EXPLORING THE ROLE OF MALAYSIAN PARENTS IN NATIONAL SPORTS TALENT MANAGEMENT

25 Apr, 2023  [Volume 2 Issue 3](#)  35 views

Talent management in sports is essential for the development of Malaysia's sports industry and the country's overall growth. The sports industry can contribute significantly to the country's economy through the promotion of tourism, job creation, and the development of sporting facilities. Therefore, identifying and nurturing talented athletes is crucial to achieving success in the sports industry

Follow us

 Facebook

 Twitter

 Instagram

 Pinterest

Categories

[Pendapat](#) (45)


[Hasil Kajian](#) (8)

[Berita](#) (2)


Lastest Post

Your experience on this site will be improved by allowing cookies [Cookie Policy](#)



 All Sections
**PENDAPAT****EMEL PUNCA GRADUAN TAK DAPAT KERJAYA IDAMAN: DARI KACA MATA MAJIKAN**

26 Jan, 2023 268 views

**PENDAPAT****EKONOMI GIG DI MALAYSIA : PROSPEK DAN CABARAN**

26 Jan, 2023 1,072 views

**PENDAPAT****TREND MEDIA SOSIAL: PELUANG PENTING BAGI PERNIAGAAN UNTUK BERKEMBANG MAJU**

01 Sep, 2022 883 views

**PENDAPAT****DILEMA PENGGUNA: SIMPAN ATAU BELANJA?**

01 Oct, 2022 89 views

**PENDAPAT****KETAGIHAN PERMAINAN DALAM TALIAN**


01 Sep, 2022 453 views

Tags[Usahawan](#)[Poisson Process](#)[Prediction Markets](#)[Platform](#)[Blockchain Technology](#)[Popularity](#)[Tweet](#)[Innovation](#)[Kesihatan Mental](#)[Self-Exciting](#)**Recently Viewed Posts****PENDAPAT****HALATUJU GIG EKONOMI DAN MASA DEPAN BELIA NEGARA**

26 Jan, 2023 221 views

About us

Caknawan menjadi platform kepada penulisan popular ilmiah hasil sumbangan artikel-artikel daripada pensyarah-pensyarah institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Popular Posts**EKONOMI GIG DI MALAYSIA : PROSPEK DAN CABARAN**

26 Jan, 2023 1,072

Your experience on this site will be improved by allowing cookies [Cookie Policy](#)

All Sections



Phone

+6097717127



PERANAN DAN CABARAN USAHAWAN MUSLIM MASA KINI

03 Jan, 2019 626

Quick links

- [Homepage](#)
- [Contact](#)
- [Blog](#)
- [About](#)

Newsletter

Subscribe to Our Newsletter

Enter your email



Tags

- Usahawan
- Poisson Process
- Prediction Markets
- Platform
- Blockchain Technology

©2022 Caknawan | Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

- [Homepage](#)
- [Contact](#)
- [Blog](#)
- [About](#)

